



BULETIN MOT



15 JUL 2024
Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet
Mengenai Keselamatan &
Kesesakan Jalan Raya Bil.2 2024



02 OGS 2024
Majlis Pelancaran Bulan
Kemerdekaan & Hari Malaysia
Peringkat MOT Tahun 2024



27 SEP 2024
Majlis pecah tanah
Westports 2

21-25 OKTOBER 2024
ICAO Air Service Negotiation
Event (ICAN 2024)



09 NOV 2024
Program Hari Bertemu
Pelanggan & Karnival Kerjaya
(Jom Gegar Labuan)



18-20 NOV 2024
Mesyuarat Pegawai Kanan
Pengangkutan ASEAN (STOM)
Ke-58



21-23 NOV 2024
Mesyuarat Menteri
Pengangkutan ASEAN (ATM)
Ke-30

12 DIS 2024
Karnival FLYsiswa 2024 &
Karnival Pengangkutan Siswa
MADANI



MAJLIS PERKAPALAN DAN PELABUHAN KEBANGSAAN ATAU NATIONAL SHIPPING AND PORT COUNCIL (NSPC)

04 JULAI 2024 - Aktiviti di pelabuhan Malaysia merupakan salah satu indikator penting selaku petunjuk peningkatan prestasi ekonomi negara. Ini dapat disaksikan apabila tiga pelabuhan terbesar negara telah menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan pada suku pertama tahun ini berbanding tahun lepas. Pelabuhan Klang telah melihat pertumbuhan jumlah kontena (TEU) yang dikendalikan berkembang sebanyak 5.1% manakala Pelabuhan Tanjung Pelepas telah berkembang sebanyak 22.7% dan Pelabuhan Pulau Pinang sebanyak 10.3%.



Semasa sidang media, YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan berkata dasar industri perkapalan negara akan diperkenal bagi memandu industri perkapalan tempatan dalam eksport dan import, sekali gus membuka lebih banyak lagi peluang pekerjaan.

SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1446H "AL-FALAH PEMACU MALAYSIA MADANI"

07 JULAI 2024 - Pada majlis sambutan ini, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah menghantar kontinjen seramai 40 orang yang diketuai oleh YBrs. Dr. Nor Fuad Bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan (TKSUP) MOT. Kontinjen terdiri daripada 24 orang lelaki dan 14 orang perempuan yang diadakan di Putrajaya International Convention Centre (PICC) Putrajaya.



Sambutan ini bukan sekadar sambutan bagi memperingati tahun baharu Islam sahaja bahkan menjadi wadah terbaik kepada masyarakat agar terus berhijrah kepada yang lebih baik meneladani susur kehidupan, perjuangan dan sunnah Rasulullah SAW. Objektif pada tahun ini adalah umat Islam perlu tekad bersama-sama bangunkan negara bertunjang semangat Al-Falah dan mengambil iktibar betapa perlunya hijrah dan kebaikan berhijrah serta bersama-sama memikul tanggungjawab mengekalkan keharmonian negara.





MESYUARAT JAWATANKUASA KABINET MENGENAI KESELAMATAN DAN KESESAKAN JALAN RAYA (JKMKKJR) BILANGAN 2 TAHUN 2024

15 JULAI 2024 - YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia hari ini telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan dan Kesyakan Jalan Raya (JKMKKJR) Bilangan 2 Tahun 2024 bagi membincangkan beberapa isu dalam menangani masalah kesesakan jalan raya di Ibu Negara dan langkah mengurangkan risiko kemalangan terhadap pengguna jalan raya. Dalam usaha menangani kes kematian akibat kemalangan, pendekatan bersifat pendidikan dan memberi kesedaran diterapkan tetapi juga perlu menjurus kepada meningkatkan aktiviti penguatkuasaan.



PROGRAM BICARA INTEGRITI

18 JULAI 2024 - Unit Integriti Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dengan kerjasama AKRAB, MOT serta Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) telah menganjurkan Program Bicara Integriti bertempat di Dewan Serbaguna, aras 2, Kementerian Pengangkutan Malaysia. Sesi perkongsian pada program ini memberi penekanan kepada pengenalan kepada isu semasa berkaitan pemakanan halal, kepentingan zakat serta integriti dalam setiap perkara kepada peribadi seseorang seterusnya membentuk peribadi yang unggul serta berintegriti tidak kira tempat dan waktu.



MESYUARAT MALAYSIA CRUISE COUNCIL (MCC)

29 JULAI 2024 - Dalam usaha berterusan untuk memacu sektor kapal persiaran Malaysia, YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia dan YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, telah bersama-sama mempengerusikan Mesyuarat Malaysia Cruise Council (MCC) yang bertujuan sebagai satu platform kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta bagi mempercepatkan pertumbuhan industri kapal persiaran di Malaysia.



Malaysia turut berhasrat untuk menjadi tuan rumah Seatrade Cruise Asia 2026. Penganjuran acara berprestij ini menunjukkan kesediaan Malaysia untuk muncul sebagai hub utama kapal persiaran di rantau Asia Tenggara seterusnya menarik lebih banyak syarikat kapal persiaran menjadikan Malaysia sebagai *homeport*.

MAJLIS PERASMIAN MALAYSIA MARITIME WEEK (MMW) 2024

30 JULAI 2024 - YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri telah menyempurnakan Majlis Perasmian Malaysia Maritime Week (MMW) 2024 yang dihoskan oleh Kementerian Pengangkutan (MOT) dan dianjurkan oleh Persatuan Pemilik-pemilik Kapal Malaysia (MASA) dengan penglibatan bersama Jabatan Laut Malaysia (JLM) yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Center, Kuala Lumpur. Seramai lebih dari 800 pengunjung yang telah memeriahkan Majlis Perasmian MMW kali ini.



Dengan tema World Maritime Day 2024 "Navigating the Future: Safety First!", Tema ini turut merayakan ulang tahun ke-50 konvensyen antarabangsa Safety of Life at Seas, 1974 (SOLAS 1974), yang pertama kali ditubuhkan pada tahun 1913. MMW2024 terdiri daripada pameran dan dua persidangan iaitu: Persidangan Malaysia Maritime Week selama dua hari, merangkumi aspek keselamatan perkapalan selaras dengan tema World Maritime Day IMO. Manakala persidangan pada hari terakhir akan memberi tumpuan kepada kemajuan industri perkapalan ke arah kelestarian selaras dengan IMO GHG Strategy 2023 dan perjanjian perubahan iklim antarabangsa yang lain.





MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN BAHARU JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ) CAWANGAN MUAR, JOHOR

01 OGOS 2024 - YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia telah menyempurnakan Majlis Perasmian Bangunan Baharu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Cawangan Muar, Johor yang merupakan manifestasi MOT melalui JPJ untuk penyampaian perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada rakyat. Projek Pembangunan Bangunan Dua (2) Tingkat JPJ Cawangan Muar yang telah diluluskan di bawah Rolling Plan 5 Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) Tahun 2015 dengan peruntukan berjumlah RM19 juta dan berkeluasan 3.02 ekar ini adalah untuk menggantikan bangunan yang sebelum ini telah berlakunya insiden kebakaran dan hampir musnah sepenuhnya pada tahun 2009. Bangunan Baharu JPJ Cawangan Muar ini telah siap pada Julai 2022 dan beroperasi sepenuhnya pada 24 September 2023.

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN DAN PELANCARAN BULAN KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA PERINGKAT KEMENTERIAN PENGANGKUTAN TAHUN 2024

02 OGOS 2024 - YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan telah menyempurnakan Majlis Perhimpunan Bulanan dan Pelancaran Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia Peringkat Kementerian Pengangkutan Tahun 2024 "Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka" di Dewan Serbaguna, MOT.



Dengan tema World Maritime Day 2024 "Navigating the Future: Safety First!", Tema ini turut merayakan ulang tahun ke-50 konvensyen antarabangsa Safety of Life at Seas, 1974 (SOLAS 1974), yang pertama kali ditubuhkan pada tahun 1913. MMW2024 terdiri daripada pameran dan dua persidangan iaitu: Persidangan Malaysia Maritime Week selama dua hari, merangkumi aspek keselamatan perkapalan selaras dengan tema World Maritime Day IMO. Manakala persidangan pada hari terakhir akan memberi tumpuan kepada kemajuan industri perkapalan ke arah kelestarian selaras dengan IMO GHG Strategy 2023 dan perjanjian perubahan iklim antarabangsa yang lain.

TINJAUAN OPERASI KHAS BERSEPADU OLEH YB MENTERI PENGANGKUTAN

06 OGOS 2024 - Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam usaha mengatasi kemalangan jalan raya telah melaksanakan penguatkuasaan bersepadu bagi memantau, mengesan, serta mengambil tindakan tegas terhadap pemilik serta pemandu kenderaan yang melanggar peraturan terutamanya yang melibatkan kenderaan pelancongan, perkhidmatan awam dan perdagangan.



Operasi Khas Bersepadu ini memfokuskan kepada semua bas persiaran dan ekspres berada dalam keadaan selamat serta pemandu yang mempunyai lesen kompeten dan kenderaan yang mematuhi semua peruntukan undang-undang ditetapkan. Lebih 19,000 kenderaan termasuk bas persiaran dan ekspres telah diperiksa oleh JPJ dalam Ops Bersepadu sejak 2 Julai sehingga 31 Julai lalu dan sebanyak 667 bas telah diambil tindakan atas pelbagai kesalahan.

PERSIDANGAN ANTARABANGSA PELABUHAN KUANTAN (K-ICe) 2024

16 OGOS 2024 - Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn) dengan kerjasama Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. (Kuantan Port) telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa Pelabuhan Kuantan 2024 ("K-ICe 2024") bersempena ulang tahun ke-50 pelabuhan tersebut.



Turut berlangsung adalah Majlis menandatangani MoU di antara Pengerusi Kuantan Port dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan serta MoU di antara Pengarah Urusan IJM Corporation Berhad, Ketua Pegawai Eksekutif Northport dan Ketua Pegawai Eksekutif MRL. Melalui perjanjian MoU tersebut, ia dapat mengukuhkan pelan pembangunan strategik dengan mewujudkan jambatan darat yang menghubungkan rel dan operasi pelabuhan bagi memudahkan pergerakan kargo serta dapat mengurangkan masa transit. Ini dapat mewujudkan peluang perdagangan yang diperolehi daripada inisiatif Belt and Road dan Halal Silk Route dalam memperkukuhkan hubungan perdagangan dan pelaburan di seluruh Asia.





MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA PESERTA KURSUS KEPIMPINAN DAN INTEGRITI (CDLI)

21 OGOS 2024 - Majlis Ramah Mesra Bersama Peserta Kursus Kepimpinan dan Integriti (CDLI) Kepada Ahli Lembaga Pengarah BBP/Agensi/Syarikat Di Bawah Kementerian Pengangkutan telah berlangsung dengan jayanya di Hotel Majestic Kuala Lumpur selama 3 hari bermula pada 19 Ogos hingga 21 Ogos 2024. Kehadiran YB Timbalan Menteri Pengangkutan (MOT), Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah ke Majlis Ramah Mesra Kursus CDLI bagi Tahun 2024 pada kali ini bagi berkongsi pengalaman serta nasihat tentang kepentingan sifat kepimpinan, integriti serta tanggungjawab sebagai Ahli Lembaga kepada setiap Badan Berkanun Persekutuan (BBP) serta syarikat dan agensi dibawah MOT.

SESI PENJURIAN PROGRAM KECERIAAN JIWA MERDEKA ANTARA KEMENTERIAN SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN 2024

23 OGOS 2024 - Sesi penjurian Program Keceriaan Jiwa Merdeka Antara Kementerian Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2024 di Kementerian Pengangkutan (MOT) yang telah dihadiri oleh YBrs. Dr. Nor Fuad bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Encik Roslan bin Mohammad, Setiausaha Bahagian Pentadbiran serta warga MOT.



Panel penilai bagi program ini adalah Encik Nor Adli bin Mohd Nor Azian daripada Jabatan Penerangan dan Puan Dayang Nur Fatima binti Abg Mohamad daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Para panel telah disambut meriah oleh warga MOT dan anak-anak Taska MOT di Perkarangan Lobi Kementerian dan seterusnya dibawa ke 'Warung Merdeka 1957' serta Sudut Merdeka MOT dan melawat aras pejabat yang terpilih iaitu Bahagian Perolehan dan Kewangan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Bahagian Pentadbiran.

Program ini bertujuan untuk memberi galakkan dan peluang kepada penjawat awam untuk mempamerkan rasa cinta dan patriotik kepada negara selain menerapkan semangat berpasukan. Semoga usaha yang ditunjukkan oleh warga MOT melalui program ini dapat menyemarakkan semangat patriotisme untuk sambutan Hari Kebangsaan dan dapat meningkatkan nilai kerjasama semua warga di setiap peringkat.

MAJLIS PERASMIAN WAJAH BAHARU TEROWONG PEJALAN KAKI JALAN SUNGAI UJONG

23 OGOS 2024 - Menteri Pengangkutan merangkap Ahli Parlimen Seremban, YB Loke Siew Fook telah menyerahkan dan merasmikan Wajah Baharu Terowong Pejalan Kaki Jalan Sungai Ujong bertempat di Bangunan Park & Ride, Stesen Keretapi Seremban, Negeri Sembilan.



Terowong pejalan kaki di Jalan Sungai Ujong kini berwajah baharu bagi menambah baik kemudahan awam tersebut daripada segi kesalinghubungan bandar, pengalaman pengguna selain menjadi pentas bagi membina komuniti yang kreatif dan menyumbang kepada pembangunan berdaya huni bandar Seremban. Inisiatif ini telah dijayakan di bawah Program Tanggungjawab Sosial Korporat Railway Assets Corporation (RAC) dengan sentuhan kreatif oleh Think City Sdn. Bhd. (Think City) dan disokong penuh oleh Majlis Bandaraya Seremban (MBS), pihak operator Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan arkitek, Tetawowe Atelier.

PROGRAM LATIHAN DAN PROFESIONALISME INDUSTRI PELABUHAN DAN HAULIER PELABUHAN DAN HAULIER PERINGKAT KEBANGSAAN

27 OGOS 2024 - Kementerian Pengangkutan (MOT) menerusi Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) telah melancarkan Program Latihan dan Profesionalisme Industri Pelabuhan dan Haulier (PATH) Peringkat Kebangsaan yang dibangunkan oleh Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menerusi Human Resource Development Corporation (HRD Corp).



Bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan profesionalisme dalam sektor pelabuhan dan logistik di Malaysia, PATH akan melatih seramai 1,000 orang pelatih termasuk pekerja industri logistik dan pengangkutan sedia ada serta rakyat Malaysia yang menganggur untuk dijadikan sebagai pemandu lori komersial yang kompeten.





MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA PENGANGKUTAN (JKP) KE-4 ANTARA MALAYSIA DAN REPUBLIK KOREA (ROK)

27 OGOS 2024 - Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengangkutan (JKP) Ke-4 antara Malaysia dan Republik Korea (ROK) telah diadakan pada 27 Ogos 2024 di Hotel Le Meridien, Putrajaya. Mesyuarat ini telah dipengerusikan bersama oleh YBhg. Dato' Normah binti Osman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Tuan Uhm JungHee, Timbalan Menteri (Pengangkutan dan Logistik), Kementerian Tanah, Infrastruktur dan Pengangkutan (MOLIT), ROK.

Mesyuarat JKP Ke-4 ini merupakan susulan daripada MoU berhubung kerjasama sektor pengangkutan antara Kerajaan Malaysia dan ROK yang telah ditandatangani pada 13 Mac 2019. Mesyuarat JKP Ke-4 pada kali ini telah memfokuskan kepada pendigitalan sektor pengangkutan, perubahan dalam perkhidmatan logistik, trend terkini dan perkongsian amalan terbaik di dalam sektor pengangkutan di kedua-dua negara.

PERSIDANGAN KESELAMATAN JALAN RAYA ASIA (CARS)

02 SEPTEMBER 2024 - Persidangan CARS 2024 yang berlangsung selama tiga hari telah mengumpulkan kira-kira 1,000 pakar, penggubal dasar, dan pihak berkepentingan dari seluruh Asia untuk membincangkan isu keselamatan jalan raya dan mobiliti lestari. Setakat ini, Malaysia telah mengambil langkah besar dalam menangani keselamatan jalan raya, termasuk peraturan baharu yang memerlukan motosikal dilengkapi dengan sistem brek anti-kunci (ABS) mulai 2025.



Menerusi langkah-langkah ini, ia mampu mengurangkan kematian akibat kemalangan jalan raya dan memberi inspirasi kepada negara-negara jiran untuk mengambil pendekatan serupa bagi meningkatkan piawaian keselamatan. Persidangan ini juga menunjukkan usaha Malaysia memperluas pengangkutan awam, seperti memperkenalkan laluan bas khas yang telah membawa kepada peningkatan ketara dalam jumlah penumpang bas harian.

MAJLIS PELUNCURAN PELAN HALA TUJU PENYAHKARBONAN SEKTOR PENERBANGAN MALAYSIA (MADB)

05 SEPTEMBER 2024 - Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook bersama Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Nik Nazmi Nik Ahmad telah melancarkan Pelan Hala Tuju Penyahkarbonan Sektor Penerbangan Malaysia (*Malaysia Aviation Decarbonisation Blueprint - MADB*).



MADB akan menjadi rujukan kepada pihak-pihak berkepentingan di Malaysia untuk mencapai sasaran karbon sifar bersih seawal tahun 2050 bagi sektor penerbangan. MADB juga telah menetapkan sasaran penyahkarbonan daripada sektor penerbangan mengikut 4 kategori langkah mitigasi yang ditetapkan oleh ICAO iaitu teknologi pesawat, penambahbaikan operasi, penggunaan *Sustainable Aviation Fuel (SAF)* dan mengimbangi karbon (*carbon offset*). Pembangunan MADB menunjukkan komitmen Malaysia menyokong inisiatif yang diperkenalkan oleh pihak ICAO dalam menangani isu perubahan iklim global. Perkara ini juga adalah selari dengan kerangka ekonomi MADANI yang turut memberi tumpuan kepada potensi daripada ekonomi hijau.

MESYUARAT MAJLIS KONSULTASI PENERBANGAN NEGARA (NATIONAL AVIATION CONSULTATIVE COUNCIL - NACC)

05 SEPTEMBER 2024 - Mesyuarat NACC pada kali ini telah memberi fokus kepada aspek-aspek keselamatan dan perihal selamat sektor penerbangan negara. Ini termasuk tindakan untuk memastikan keselamatan pesawat dalam keadaan terbaik dan perihal selamat penumpang menjadi keutamaan semua pihak terlibat terutama syarikat-syarikat penerbangan. Selain itu, dalam mesyuarat kali ini turut membincangkan mengenai kelewatan dan pembatalan penerbangan oleh syarikat penerbangan di Malaysia yang diakibatkan oleh beberapa faktor seperti masalah teknikal, faktor cuaca, operasi syarikat penerbangan merangkumi penggiliran pesawat, anak kapal, dan lain-lain serta muatan rendah.





MAJLIS PERASMIAN REKAAN PLAT KHAS JPJePlate UNTUK KENDERAAN MOTOR TANPA PELEPASAN (ZEV) TERMASUK KENDERAAN ELEKTRIK (EV)

09 SEPTEMBER 2024 - Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook telah merasmikan Majlis Pelancaran Rekaan Plat Khas JPJePlate menyifatkan pelaksanaan itu sebagai strategi serampang dua mata kerajaan untuk insentif tambahan demi menggalakkan penggunaan kenderaan tersebut selain meneruskan langkah pendigitalan.

JPJePlate disertai dengan piawaian baharu untuk keselamatan dan kecekapan jalan raya dengan beberapa manfaat utama dan inisiatif ini akan dilaksanakan ke atas kenderaan ZEV baharu termasuk kenderaan elektrik (EV) baharu. JPJePlate yang ditetapkan pada kadar harga RM98 ini termasuk plat hadapan, plat belakang, pelekat cermin Pengecaman Frekuensi Radio (RFID) dan penghantaran standard. Namun ia tidak diwajibkan untuk kenderaan ZEV yang sudah berada di atas jalan namun pemilik yang masih berminat boleh membuat tempahan seawal bulan November.

SESI PERJUMPAAN KSU BERSAMA KESATUAN PEKERJA-PEKERJA KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD (RUM)

12 SEPTEMBER 2024 - Sesi perjumpaan YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan (MOT) bersama Kesatuan Pekerja-Pekerja Keretapi Tanah Melayu Berhad (RUM), Ketua Pegawai Eksekutif Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), YBhg. Datuk Mohd Rani Hisham bin Samsudin, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Aset Keretapi (Railway Assets Corporation), YBhg. Dato' Azhar Bin Ahmad merupakan platform yang amat berharga untuk membincangkan pelbagai isu berkaitan sektor pengangkutan, dengan fokus utama pada peningkatan sistem pengangkutan keretapi dan kesejahteraan pekerja.



Perbincangan ini bertujuan untuk mencari penyelesaian yang berkesan dan membina strategi jangka panjang yang dapat memajukan industri pengangkutan, memastikan keselamatan, dan meningkatkan efisiensi operasi. Kerjasama erat antara pihak kementerian, kesatuan pekerja, RAC Dan KTMB adalah kunci dalam mencapai matlamat ini, demi kemajuan dan kemakmuran sistem pengangkutan negara kita.

MAJLIS PELANCARAN TIKET INTEGRASI EXPRESS RAIL LINK SDN BHD (ERL) DAN KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD (KTMB)

13 SEPTEMBER 2024 - KTMB dan ERL telah melancarkan tiket integrasi yang membolehkan pengguna membeli satu tiket untuk perjalanan terus menggunakan gabungan tren ERL dan KTMB dari KLIA ke utara Semenanjung Malaysia yang akan memudahkan urusan pengguna, menjimatkan masa dan kos, serta meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam. Tiket integrasi ini mula dijual di lima stesen KTMB terpilih sejak 19 Julai.



Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi Bin Habibollah semasa sidang media menyatakan ini bukan sahaja memudahkan urusan pengguna tetapi juga memberikan nilai tambah daripada segi penjimatan masa dan kos sambil meningkatkan lagi kecekapan sistem pengangkutan awam. Tiket integrasi berkenaan boleh didapati di lima stesen KTMB terpilih iaitu Alor Setar, Sungai Petani, Butterworth, Bukit Mertajam dan Ipoh menerusi sistem *KTMB Integrated Ticketing System* (KITS) serta laman sesawang ERL sejak 19 Julai lepas.

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KEBANGSAAN

16 SEPTEMBER 2024 - Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan telah diadakan di Putrajaya International Convention Center (PICC) dengan tema sambutan pada tahun ini ialah "Al-Falah Pemacu Malaysia MADANI".



Kementerian Pengangkutan telah menghantar seramai 40 orang pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada 18 orang lelaki dan 22 orang wanita yang diketuai oleh YBrs. Dr. Nor Fuad Bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan bagi menyertai sambutan Maulidur Rasul pada kali ini. Sambutan pada tahun ini disajikan dengan pelbagai segmen menarik seperti Program Sobahul Khair, tayangan montaj dan klip video, penyampaian anugerah tokoh Maulidur Rasul oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dan persembahan artis.





SESI LIBAT URUS BAGI PENGUKUHAN INISIATIF KESELAMATAN JALAN RAYA

20 SEPTEMBER 2024 - Program ini bertujuan memperkukuh inisiatif keselamatan jalan raya serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap kepentingan pemanduan selamat. Sesi yang berlangsung dari 18 hingga 19 September ini melibatkan penyertaan 50 wakil daripada pelbagai kementerian, agensi kerajaan, serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Antara objektif utama sesi ini adalah untuk mengenalpasti jurang dalam pelaksanaan dan pencapaian Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (PKJRM) 2022-2030, serta mengenalpasti faktor-faktor penyumbang dan cabaran utama dalam pelaksanaan langkah keselamatan jalan raya. Sesi ini turut membangunkan cadangan penambahbaikan yang bertujuan memperbaiki pelaksanaan inisiatif keselamatan jalan raya di seluruh negara. Usaha kolaboratif ini diharapkan dapat memperkasakan inisiatif keselamatan jalan raya dan membantu mengurangkan kadar kemalangan di negara ini, selaras dengan visi "Malaysia Sebuah Negara Sifar Kematian Akibat Nahas Jalan Raya."

LAWATAN KERJA TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN) KE KAMPUNG ANGKAT MADANI MOT - KG. ORANG ASLI NGOI-NGOI PANTAI

24 SEPTEMBER 2024 - Satu sesi Lawatan Kerja Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pengangkutan (MOT), YBrs. Dr. Nor Fuad bin Abdul Hamid, telah diadakan di Kampung Angkat MADANI MOT bertempat di Kampung Orang Asli Ngoi-Ngoi Pantai di Seremban, Negeri Sembilan, bertujuan memantau projek penambahbaikan infrastruktur asas di kawasan tersebut.



Kampung Angkat MADANI merupakan satu inisiatif YAB Perdana Menteri menerusi Belanjawan 2024 untuk meningkatkan capaian kemudahan asas secara holistik menerusi pendekatan 'Whole of Government'. Inisiatif ini merupakan satu kaedah dalam memudah cara dan mempercepat penambahbaikan infrastruktur di kampung, bagi merapatkan jurang kemudahan asas antara desa dan bandar. Turut hadir dalam lawatan kerja ini ialah Setiausaha Politik Menteri Pengangkutan, Encik Ho Weng Wah, Setiausaha Bahagian Pentadbiran MOT, Encik Roslan bin Mohammad serta wakil-wakil daripada Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) dan juga Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

MAJLIS PECAH TANAH WESTPORTS 2

27 SEPTEMBER 2024 - Majlis Pecah Tanah Westports 2 di Pelabuhan Klang yang merupakan antara pelabuhan paling sibuk di dunia. Kejayaan ini adalah hasil usaha dan produktiviti semua pihak di Westports, terutamanya warga kerja yang bertungkus lumus dalam dari segala aspek bagi memahat sejarah tersendiri.



YAB Dato' Sri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri telah menyempurnakan majlis pecah tanah bagi Westports 2. Projek ini yang melibatkan pembangunan CT 10 hingga CT 17 dijangka akan meningkatkan kapasiti pengendalian Westports daripada 14 juta TEU kepada 27 juta TEU sekaligus memperkukuhkan daya saing Pelabuhan Klang di peringkat global. Projek Westports 2 ini mencerminkan komitmen negara untuk memperkukuhkan infrastruktur logistik dan pelabuhan Dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan.

SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA (HSN) 2024 PERINGKAT KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

12 OKTOBER 2024 - Sambutan Hari Sukan Negara (HSN) 2024 Peringkat Kementerian Pengangkutan (MOT) telah diadakan bertempat di Perkarangan Lobi Kemenerian dan Dewan Serbaguna MOT. Perasmian HSN MOT 2024 telah disempurnakan oleh YB Tuan Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia. Program hari ini turut disertai oleh YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha Kementerian, YBhg. Dato' Normah Osman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) dan barisan Pengurusan Tertinggi MOT serta seluruh Warga Kementerian Pengangkutan.



Antara acara yang diadakan pada hari ini adalah acara zumba dan briswalk bersama YB Menteri serta beberapa pertandingan antaranya Street Soccer (Wanita) dan Street Netball (Lelaki). HSN MOT 2024 turut dimeriahkan dengan aktiviti sukaneka dewasa dan kanak-kanak. Penyampaian hadiah ke semua acara yang dipertandingkan sempena HSN MOT 2024 telah disampaikan oleh YBrs. Encik Mohd Aidi bin Mohd Hussin, YDP Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Pengangkutan (KSKKP).



www.mot.gov.my

[f](#) [t](#) [motmalaysia](#) [i](#) [ministryoftransportmy](#)

GLOBAL AVIATION'S PREMIERE AIR SERVICES NEGOTIATION EVENT

Kuala Lumpur, Malaysia • 21st to 25th October 2024



ICAO AIR SERVICES NEGOTIATION EVENT (ICAN 2024)

21-25 OKTOBER 2024 - Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama *International Civil Aviation Organization* (ICAO) telah menganjurkan *ICAO Air Services Negotiation Event* (ICAN) 2024 pada 21 hingga 25 Oktober 2024. Majlis perasmian ICAN 2024 telah disempurnakan YB Tuan Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan.

Acara ini memberi penekanan terhadap kepentingan rundingan Perjanjian Perkhidmatan Udara antara negara-negara ahli ICAO bagi meningkatkan kesalinghubungan pengangkutan udara sebagai pemangkin pembangunan sebuah negara selain memperkenalkan *Malaysian Aviation Decarbonization Blueprint* (MADB) sebagai inisiatif ke arah sektor penerbangan udara yang mampan (*sustainable aviation*) di Malaysia. Selain itu, penganjuran ICAN 2024 menunjukkan komitmen Malaysia terhadap program dan usaha ICAO berkaitan *air connectivity*, *growth of air transport* dan rundingan dua hala serta pelbagai hala (*bilateral and multilateral*) pengangkutan udara yang berjaya.

ASEAN PORTS AND LOGISTIC EXHIBITION AND CONFERENCE 2024

23 OKTOBER 2024 - *ASEAN Ports and Logistics Exhibition and Conference 2024* yang ke-22 telah dirasmikan pada pagi ini oleh YB Tuan Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia yang dihoskan oleh Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ), telah menghimpunkan lebih 200 profesional dan pakar industri dari ASEAN dan luar negara untuk membincangkan masa depan industri maritim di bawah tema, "*The Cornerstone of Global Economy and Supply Chain Networks.*"



Acara persidangan dan pameran ini akan berlangsung selama dua hari, bermula pada 23 Oktober 2024, dengan menampilkan 35 penceramah bertaraf dunia yang akan membincangkan topik-topik semasa seperti kelestarian, transformasi digital, serta inovasi dalam industri maritim. Sebelum itu, pada 22 Oktober 2024, para peserta turut diberi peluang untuk melawat dua pelabuhan utama di Johor, iaitu Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, di mana mereka menerima taklimat mengenai operasi dan perkembangan terkini pelabuhan-pelabuhan tersebut.

MAJLIS PERASMIAN PENEMBUSAN TEROWONG PROJEK REL PANTAI TIMUR (ECRL) YANG KE-36, TEROWONG GOMBAK

29 OKTOBER 2024 - Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin Shari telah merasmikan penembusan terowong Projek Rel Pantai Timur (ECRL) yang ke-36, Terowong Gombak yang telah selesai kerja-kerja pengorekan sebulan lebih awal dari jadual. Pencapaian ini mendorong pengorekan baki terowong ECRL untuk diselesaikan dalam tempoh jangka masa yang ditetapkan.



Kerja-kerja pengorekan untuk Terowong Gombak telah dimulakan pada Jun 2023 dan dijadualkan selesai pada suku keempat tahun 2024. Semua kerja-kerja sivil berkaitan Terowong Gombak dijangka siap menjelang Mac 2025. Pembinaan terowong ini akan membolehkan landasan kereta api ECRL mematuhi kecerunan maksimum 0.9 peratus serta mengurangkan penebangan hutan terbuka yang ketara di kawasan Batu 11 Gombak.

PROGRAM EDARAN PEK ISTIMEWA KEPADA PENUMPANG DI KUALA LUMPUR SENTRAL SEMENA AMBANG SAMBUTAN PERAYAAN DEEPAVALI

29 OKTOBER 2024 - Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan hari ini berkesempatan untuk mengedarkan pek istimewa kepada penumpang di Kuala Lumpur Sentral semena ambang sambutan perayaan Deepavali bersama pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).



Program anjuran KTMB ini mengagihkan sebanyak 1000 pek istimewa kepada penumpang perkhidmatan ETS dan KTM Komuter di KL Sentral. Setiap pek mengandungi air minuman, maruku, dan manisan yang menjadi tradisi sambutan Deepavali. Ini adalah sebagai tanda penghargaan kepada penumpang KTMB khususnya perkhidmatan Antarabandar & KTM Komuter.





MAJLIS PERASMIAN BAS.MY MELAKA

29 OKTOBER 2024 - Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) sentiasa berusaha merangka satu sistem bas berhenti-henti (SBST) yang bertujuan untuk menambah baik perkhidmatan bas dari aspek kemampanandan kebolehharapan (*reliability*). Dikenali dengan jenama BAS.MY Melaka, perkhidmatan ini bertujuan untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam yang lebih efisien agar dapat meningkatkan mobiliti, produktiviti dan taraf hidup rakyat Malaysia,

Dengan rekacorak bas berwarna merah jambu yang ceria dan menarik perhatian, BAS.MY Melaka digerakkan dengan 51 buah bas meliputi pelbagai saiz bas seperti bas mini, *mini low floor* dan midi serta 4 buah bas EV khususnya di laluan-laluan yang meliputi pusat bandar Melaka dan kawasan tumpuan pelancong bersempena dengan Tahun Melawat Melaka 2024 selain menyokong dasar pembangunan teknologi hijau negeri Melaka.

MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROGRAM MyLESEN TAHUN 2024 PERINGKAT NEGERI SELANGOR

07 NOVEMBER 2024 - Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengadakan Majlis Perasmian Penutup Program MyLESEN Tahun 2024 Peringkat Negeri Selangor dan disempurnakan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan di JPJ Negeri Selangor, Padang Jawa, Shah Alam.



Program MyLESEN Tahun 2024 Peringkat Negeri Selangor melibatkan seramai 2,645 penerima manfaat yang terdiri daripada golongan B40, yang menerima bantuan untuk mendapatkan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2, Lesen Vokasional Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) E-Hailing / Bas, serta Lesen Vokasional Kenderaan Barangan (GDL) Lori. Program ini adalah usaha Kerajaan untuk membantu golongan B40 meningkatkan taraf sosioekonomi dan pendapatan mereka, terutama melalui peluang dalam ekonomi gig. Inisiatif ini juga bertujuan melahirkan pemandu yang kompeten dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepatuhan terhadap peraturan serta keselamatan jalan raya.

MAJLIS KASIH CAHAYA MADANI DAN PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN TAHUN 2024

07 NOVEMBER 2024 - Kementerian Pengangkutan (MOT) telah menganjurkan Majlis Cahaya Kasih MADANI dan Perhimpunan Bulanan Kementerian Pengangkutan Tahun 2024 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, MOT. Majlis pada hari ini juga turut dimeriahkan dengan sambutan perayaan Hari Deepavali bagi menzahirkan amalan dan tradisi dalam mengeratkan lagi hubungan di kalangan warga Kementerian yang berbilang kaum.



Pada majlis ini, YB Menteri turut berkesudian menyempurnakan Pelancaran November Bulan Keluarga Kebangsaan Peringkat Kementerian Pengangkutan dengan tema "KASIH Keluarga, Jiwa MADANI". Kempen ini bertujuan menggalakkan penglibatan semua pihak dalam mengukuhkan institusi keluarga dengan penerapan nilai-nilai murni kekeluargaan melalui pelbagai aktiviti menarik bersama keluarga.

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN KOLABERASI PUSAT LATIHAN SERANTAU (RTC)

08 NOVEMBER 2024 - Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah telah menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Kolaborasi Pusat Latihan Serantau (RTC) Diantara Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) dengan Union Internationale des Transports Publics (UITP).



Penubuhan RTC ini selari dengan visi UITP untuk mewujudkan rangkaian pusat latihan yang strategik di seluruh dunia. RTC ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan profesional yang berterusan serta dapat memastikan pengangkutan awam menjadi tulang belakang yang mapan untuk ekonomi dan sosial.





PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN, KARNIVAL KERJAYA & SUKAN WILAYAH LABUAN (JOM GEGAR LABUAN)

09 NOVEMBER 2024 - Program Hari Bertemu Pelanggan, Karnival Kerjaya dan Sukan Wilayah Labuan atau Jom Gegar Labuan yang diadakan di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan telah mencapai matlamat utama untuk mendekatkan Kementerian Pengangkutan (MOT) dengan komuniti setempat dan dirasmikan oleh YB Menteri Pengangkutan. Mendapat kerjasama strategik bersama Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan Perbadanan Labuan, program ini menjadi platform bagi memperkenalkan dan menjelaskan dasar serta inisiatif terkini MOT, serta membuka peluang kepada penduduk tempatan untuk memahami secara lebih dekat peranan Kementerian dan Jabatan serta Agensi di bawahnya.

Dihadiri dengan kehadiran lebih 5 ribu pengunjung, antara aktiviti yang paling mendapat sambutan ialah sukan rakyat seperti Kayuhan Ria, Larian Ria, dan Langkah Ria. Lebih menarik lagi, sebanyak 1,000 topi keledar dan 200 penukaran minyak hitam percuma telah disediakan di reruai JPJ. Secara keseluruhan, program ini berjaya membuktikan komitmen MOT untuk terus menyokong kesejahteraan masyarakat setempat. Langkah-langkah ini adalah sebahagian daripada inisiatif Kerajaan Perpaduan untuk memperkasa ekonomi sektor pengangkutan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

MAJLIS ANUGERAH PEMBANGUNAN NEGARA TAHUN 2025 (APN 2024)

12 NOVEMBER 2024 - Majlis Anugerah Pembangunan Negara Tahun 2025 (APN 2024) bertemakan "Pembangunan MADANI, Rakyat Disantuni" telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara (KSN).



Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dianugerahkan bagi Kategori Pengurusan IBS Terbaik Peruntukkan di atas 1 Bilion (Tempat Kedua). YBrs. Dr. Nor Fuad bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan telah menerima anugerah ini yang disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara.

MAJLIS PELUNCURAN GARIS PANDUAN KESELAMATAN KENDERAAN ELEKTRIK (EV)

14 NOVEMBER 2024 - MIROS telah melancarkan tiga Garis Panduan Keselamatan Kenderaan Elektrik (EV) bagi memperkasakan pengurusan insiden EV yang lebih selamat, meningkatkan penilaian keselamatan kenderaan elektrik voltan tinggi, dan menetapkan piawaian untuk makmal ujian perlanggaran. Ketiga-tiga garis panduan ini telah dilancarkan oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook, di Makmal PC3 MIROS, Melaka.



Inisiatif ini selari dengan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2022-2030, bertujuan mengurangkan kadar kematian kemalangan jalan raya sebanyak 50% menjelang 2030 serta menyokong mobiliti lestari dan pelepasan karbon sifar menjelang 2050. Ia juga merupakan langkah penting dalam membina keyakinan orang awam terhadap keselamatan EV di jalan raya serta mendorong peralihan kepada teknologi hijau dan lestari.

MESYUARAT PEGAWAI KANAN PENGANGKUTAN ASEAN (STOM) KE-58

18-20 NOVEMBER 2024 - Mesyuarat Pegawai Kanan Pengangkutan ASEAN (STOM) Ke-58 membuka tirai dengan jayanya dan mesyuarat pertamanya dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan.



Mesyuarat ini yang dihoskan oleh Kementerian Pengangkutan (MOT) dengan kerjasama Perbadanan Aset Keretapi (RAC) sebagai rakan strategik penganjuran selaras dengan usaha mengetengahkan Malaysia sebagai peneraju sektor rel di rantau ASEAN. Kemuncak mesyuarat ini adalah penganjuran ASEAN Transport Ministers Meeting (ATM) Ke-30 yang akan bermula pada 20 hingga 23 November 2024.



LAUNCH OF KUL AIRPORT COLLABORATIVE DECISION MAKING (KUL A-CDM)

by

YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah
Deputy Minister of Transport Malaysia



MAJLIS PERASMIAN DAN PELANCARAN KUL AIRPORT COLLABORATIVE DECISION MAKING (KUL A-CDM)

19 NOVEMBER 2024 - Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah telah menyempurnakan Majlis Perasmian dan Pelancaran KUL Airport Collaborative Decision Making (KUL A-CDM). Platform inovatif ini merupakan pencapaian penting dalam inisiatif strategik yang dimulakan pada tahun 2022, menyatukan pelbagai pihak berkepentingan selepas penandatanganan MOU dengan semua pihak terlibat dan mempertingkatkan koordinasi antara syarikat penerbangan, pengendali darat, kawalan trafik udara serta pengendali lapangan terbang iaitu Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Malaysia Airlines Berhad (MAB), AirAsia, Batik Air, Aerodarat, Pos Aviation, dan juga Ground Team Red.

KUL A-CDM bertujuan untuk memperkemas proses, mengurangkan kelewatan, dan memberikan pengalaman perjalanan yang lebih lancar serta boleh dipercayai kepada penumpang. Ia menetapkan standard baharu dalam kerjasama, kecemerlangan operasi, dan tanggungjawab alam sekitar, sekali gus mengukuhkan reputasi KLIA sebagai hab penerbangan pilihan.

MESYUARAT MENTERI PENGANGKUTAN ASEAN (ATM) KE-30

21-23 NOVEMBER 2024 - Malaysia menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Menteri Pengangkutan ASEAN (ATM) ke-30 dan Mesyuarat Pegawai Kanan Pengangkutan ASEAN (STOM) ke-58, bermula 18 sehingga 22 November yang bertemakan "ASEAN: *Enhancing Connectivity and Resilience*,"



Dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan, mesyuarat berprestij ini menghimpunkan pemimpin pengangkutan serta pakar industri dari 10 negara ASEAN bagi membincangkan usaha memperkukuh kesalinghubungan serantau dan memacu kemakmuran ekonomi. Menurut YAB TPM semasa majlis perasmian, beliau melahirkan keyakinan mesyuarat yang berlangsung ini dapat berfungsi sebagai platform tertinggi untuk kepimpinan pengangkutan setiap negara Asean membincangkan landskap sektor pengangkutan semasa dan masa depan di rantau ini. MOT akan sentiasa komited untuk memastikan keterangkuman dan kelestarian menjadi asas dalam membina komuniti ASEAN yang lebih kukuh.

AUDIT PEMANTAUAN BAGI PENSIJILAN MS ISO 3700 1:2016 ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (MOT)

21 NOVEMBER 2024 - Audit Pemantauan bagi Pensijilan MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS) Kementerian Pengangkutan (MOT) telah diadakan pada 19 dan 20 November 2024 oleh pihak NIOSH Certification Sdn. Bhd.. Audit Pemantauan ini adalah keperluan wajib di bawah pensijilan ISO supaya Sistem Pengurusan Antirasuah di MOT adalah sentiasa dilaksanakan dan dikemaskini.



Hasil daripada pengauditan ini, MOT telah berjaya mengekalkan Pensijilan MS ISO 37001:2016 ABMS bagi tahun 2024 hingga 2025. Pensijilan ABMS ini akan menaikkan imej MOT dalam usaha untuk mengekang dan meminimalkan perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewangan yang merupakan tunjang kepada tatakelola yang baik.

MESYUARAT PUSAT LOGISTIK KEBANGSAAN (NLTF) BIL 2 TAHUN 2024

25 NOVEMBER 2024 - Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook telah mempengerusikan Mesyuarat Pasukan Logistik Kebangsaan (NLTF) Bilangan 2 Tahun 2024 anjuran PusaT Logistik Negara (PLN). Mesyuarat ini membincangkan pendekatan terbaik untuk meningkatkan kecekapan ekosistem logistik dan menangani isu-isu semasa dalam sektor logistik. PLN berperanan untuk mempergiat aktiviti perdagangan domestik dan antarabangsa dengan memudah cara aktiviti perdagangan, merealisasikan perancangan negara sebagai hab logistik serantau, serta mewujudkan sektor logistik lestari yang mempunyai daya saing dengan pematuhan kepada piawaian dan akreditasi.



Pemeriksaan sektor logistik tempatan berteraskan teknologi semasa dilaksanakan dengan mengoptimumkan aspek pemodenan serta meningkatkan penerimaan penggunaan pendigitalan. Kerjasama di peringkat antarabangsa turut diteroka bagi meningkatkan daya saing sektor logistik dan pemain industri pada skala global.





MAJLIS PENYERAHAN KAMPUNG ANGKAT MADANI DI KG. ORANG ASLI NGOI-NGOI

30 NOVEMBER 2024 - Kementerian Pengangkutan hari ini telah mengadakan Majlis Penyerahan Kampung Angkat MADANI di Kampung Orang Asli Ngoi Ngoi dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan (JKRNS), Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Sembilan (JAKOA) dan juga Majlis Bandaraya Seremban (MBS).

Majlis yang disempurnakan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan ini merupakan program yang diperkenalkan oleh kerajaan MADANI melalui Belanjawan 2024, bertujuan untuk merapatkan jurang di antara desa dan bandar dengan melengkapkan kemudahan asas dan memastikan capaian liputan kemudahan asas seperti sumber air bersih, elektrik, rangkaian jalan, lampu jalan, kemudahan masyarakat dan capaian internet dapat dipertingkatkan melalui pendekatan *Whole of Government*. Turut diserikan dengan aktiviti-aktiviti seperti permainan takraw penduduk setempat bersama wakil agensi, gotong royong mengecat rumah penduduk, sesi penyampaian hadiah sukaneka, sumbangan Bakul makanan dan juga Sesi Tandatangani Plak Penyerahan Kampung Angkat MADANI Kementerian Pengangkutan.

PENERBANGAN TAMBAHAN ISTIMEWA & TAMBANG RENDAH TETAP AIRASIA SEMPERA TAHUN BAHARU CINA

03 DISEMBER 2024 - Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Loke Siew Fook telah merasmikan Penerbangan Tambahan Istimewa dan Tambang Rendah Tetap AirAsia sempena Tahun Baharu Cina. AirAsia menawarkan tambang rendah sehalu dari Kuala Lumpur ke Kuching, Bintulu, Miri dan Sibul juga dari Johor Bahru ke Kuching, Sibul, Miri dan Tawau hanya RM328. Manakala penerbangan sehalu dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan juga dari Johor Bahru ke Kota Kinabalu hanya dengan RM388.



Kementerian Pengangkutan (MOT) sangat berbesar hati kepada syarikat penerbangan terutamanya AirAsia yang komited dalam menyokong inisiatif kerajaan dalam mengurangkan kadar tambang dan menambah bilangan frekuensi penerbangan semasa musim perayaan. MOT juga menyeru dan menggalakkan pemain industri penerbangan yang lain untuk bersama-sama menyokong inisiatif seperti ini bagi memenuhi keperluan dan kebajikan rakyat.



MAJLIS PELANCARAN BAS.MY SEREMBAN


10 DISEMBER 2024 - YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan hari ini telah melancarkan perkhidmatan BAS.MY Seremban di bawah Program Transformasi Bas Berhenti-henti (SBST). Pengoperasian perkhidmatan BAS.MY Seremban melibatkan akan 7 Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan digerakkan dengan 85 buah bas baharu yang terdiri daripada 18 buah bas panjang, 61 buah bas mini dan *low floor*, 2 van dan 4 buah EV. Bas-bas yang digunakan juga lengkap dengan alat penghawa dingin, GPS, tiket elektronik dan CCTV.



Turut diperkenalkan bagi kemudahan pengguna BAS.MY Seremban adalah perkhidmatan bas percuma melalui Pas Koneksi BAS.MY Seremban kepada warga emas, OKU dan pelajar sekolah, selain Pas Perjalanan Tanpa Had BAS.MY 50 untuk warga negara bagi perjalanan tanpa had selama 30 hari.

KARNIVAL FLYsiswa 2024 & KARNIVAL PENGANGKUTAN SISWA MADANI

12 DISEMBER 2024 - YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia hari ini telah merasmikan Karnival FLYsiswa 2024 dan Karnival Pengangkutan Siswa MADANI sejajar dengan pengumuman beliau dalam Ucapan Belanjawan 2025, dimana MOT akan terus melaksanakan inisiatif bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan untuk 60,000 mahasiswa yang menggunakan penerbangan bagi laluan domestik antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan bermula 1 Januari 2025.



YAB Perdana Menteri dalam ucapan perasmian turut mengumumkan bahawa Kerajaan bersetuju menaikkan kadar bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan menerusi FLYsiswa daripada RM300 kepada RM400 seorang. Pelaksanaan inisiatif ini adalah antara ikhtiar kerajaan dalam meringankan beban pelajar universiti dari Sabah, Sarawak dan Labuan yang berdepan dengan isu tiket penerbangan yang agak tinggi apabila ingin pulang ke negeri masing-masing.





MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN TABUNG IHSAN MADANI MOT

13 DISEMBER 2024 - YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan hari ini telah menerima bagi pihak Kementerian Pengangkutan (MOT) replika cek sumbangan kepada Tabung Ihsan MADANI MOT yang merupakan inisiatif Skuad Ihsan MADANI MOT berjumlah RM230,000.00 daripada lima agensi di bawah MOT iaitu Perbadanan Aset Keretapi (RAC), Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp), Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL), Prasarana Malaysia Berhad (PRASARANA) dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM).

Skuad Ihsan MADANI merupakan Pasukan Sukarelawan Penjawat Awam daripada semua kementerian serta jabatan dan agensi yang terlibat dengan pengurusan pasca banjir untuk digerakkan ke kawasan-kawasan yang terjejas seperti yang telah diputuskan di dalam Mesyuarat Pasca Kabinet Jabatan Perdana Menteri (JPM) Bil. 8 Tahun 2023 bertarikh 17 Mac 2023. Majlis penyerahan ini diadakan semasa Mesyuarat Perancangan Strategik Pengurusan Tertinggi MOT dan disaksikan oleh barisan Pengurusan Tertinggi Kementerian serta jabatan dan agensi di bawah MOT.

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN USAHA SAMA ANTARA MRL & CCCECRL BAGI PENGOPERASIAN & PENYELENGGARAAN RANGKAIAN REL ECRL

19 DISEMBER 2024 - Malaysia Rail Link (MRL) dengan sukacitanya memaklumkan bahawa reka bentuk motif luaran dan dalaman tren EMU ECRL ini telah diilhamkan daripada seni tradisi dan kebudayaan Malaysia.



Rekaan elemen motif tradisi dan kebudayaan ini dihasilkan menerusi sesi libat urus dan idea bersama Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Input reka bentuk lain juga diperolehi hasil daripada pertandingan reka bentuk yang dijalankan dengan kerjasama Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM).

MAJLIS PERASMIAN DEBUT PERTAMA PESAWAT BADAN LEBAR AIRBUS 330NEO DI BAWAH KENDALIAN MALYSIAN AVIATION GROUP

19 DISEMBER 2024 - Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Loke Siew Fook hari ini telah merasmikan debut pertama pesawat badan lebar Airbus 330neo di bawah kendalian Malaysia Aviation Group (MAG), ianya sekali gus menandakan transformasi baharu dalam aspek pemodenan syarikat penerbangan nasional itu dan kemunculan pertama ini telah memberi terjemahan kepada transformasi MAG dengan menerapkan era baharu perjalanan di udara.



Pesawat yang dikuasakan oleh enjin Rolls-Royce Trent 7000 ini turut menampilkan inovasi aerodinamik, bahan termaju selain memberikan pengurangan sehingga 14 peratus dalam penggunaan bahan api dan pelepasan karbon berbanding generasi sebelumnya. Pesawat terbaharu ini juga menawarkan sebanyak 297 kerusi meliputi 28 di kelas perniagaan dan 269 di ekonomi.

THE MIMA SOUTH CHINA SEA (SCS) CONFERENCE 2024

19 DISEMBER 2024 - Kementerian Pengangkutan (MOT) menerusi Maritime Institute of Malaysia (MIMA) telah menganjurkan The MIMA South China Sea (SCS) Conference 2024 yang menghimpunkan peserta-peserta merangkumi duta besar, pegawai kerajaan, pembuat dasar, pemimpin industri, ahli akademik, serta pihak berkepentingan yang mempunyai minat mendalam dalam menangani cabaran dan peluang dalam pelbagai aspek di wilayah Laut China Selatan.



Pengangkutan maritim adalah tunjang kepada perdagangan antarabangsa dan ekonomi global, lebih daripada 80% perdagangan global adalah berdasarkan jumlah yang dilaksanakan melalui laut. Peranan Laut China Selatan sebagai saluran penting bagi perdagangan maritim global, serta kestabilannya sebagai kunci kepada kemakmuran negara-negara di seluruh dunia.



SESI LAWATAN & KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN



11 JULAI 2024 (KHAMIS) | PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Setiausaha Dasar, YBhg. Dato' Normah binti Osman telah menerima kunjungan hormat Mr. Peteris Usturbs, Director for The Middle East, Asia and Pacific on The Directorate General for International Partnerships, European Union (INTPA) sebagai Ketua Delegasi.



28 OGOS 2024 (RABU) | PUTRAJAYA

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan telah menerima kunjungan rasmi daripada Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib.



10 SEPTEMBER 2024 (SELASA) | PUTRAJAYA

YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan (MOT) telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar.

SESI LAWATAN & KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (sambungan...)



04 OKTOBER 2024 (JUMAAT) | PAKISTAN

Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah turut bersama-sama delegasi Malaysia yang diketuai oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim sempena Lawatan Negara ke Pakistan.



21 OKTOBER 2024 (ISNIN) | MAJLIS ICAO AIR SERVICE NEGOTIATION (ICAN 2024)

Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Loke Siew Fook telah menerima kunjungan hormat oleh Presiden Majlis International Civil Aviation Organization (ICAO), TYT Salvatore Sciacchitano.



21 OKTOBER 2024 (RABU) | MAJLIS ICAO AIR SERVICE NEGOTIATION (ICAN 2024)

Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Loke Siew Fook telah menerima kunjungan hormat oleh Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan Kerajaan Eswatini, TYT Ndlaluhlaza Ndwande.



www.mot.gov.my

[f](#) [t](#) [motmalaysia](#) [i](#) [ministryoftransportmy](#)

SESI LAWATAN & KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (sambungan...)



21 OKTOBER 2024 (ISNIN) | MAJLIS ICAO AIR SERVICE NEGOTIATION (ICAN 2024)

Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Loke Siew Fook telah menerima kunjungan hormat oleh TYT Antony Gerard Derjacques, Menteri Pengangkutan Seychelles.



21 OKTOBER 2024 (ISNIN) | MAJLIS ICAO AIR SERVICE NEGOTIATION (ICAN 2024)

Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Loke Siew Fook telah menerima kunjungan hormat oleh Menteri Pengangkutan Cambodia, TYT Mao Havannall, Minister-in-Charge of State Secretariat of Civil Aviation Cambodia.



21 OKTOBER 2024 (RABU) | MAJLIS ICAO AIR SERVICE NEGOTIATION (ICAN 2024)

Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah telah menerima kunjungan hormat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan Russia, TYT Vladimir Poteshkin.

SESI LAWATAN & KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (sambungan...)



21 OKTOBER 2024 (RABU) | MAJLIS ICAO AIR SERVICE NEGOTIATION (ICAN 2024)

Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah telah menerima kunjungan hormat oleh Menteri Pengangkutan Ghana, TYT Kwaku Ofori Asiamahl.



21 OKTOBER 2024 (ISNIN) | MAJLIS ICAO AIR SERVICE NEGOTIATION (ICAN 2024)

Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Loke Siew Fook telah menerima kunjungan hormat oleh Menteri Pengangkutan, Komunikasi dan Pelancongan, Republik Suriname, TYT Uraiqit Ramsaran.



21 OKTOBER 2024 (RABU) | MAJLIS ICAO AIR SERVICE NEGOTIATION (ICAN 2024)

YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia berbesar hati bertemu dengan HE Abdulaziz Al-Duailej, Presiden Saudi General Authority of Civil Aviation (GACA).



SESI LAWATAN & KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (*sambungan...*)



25 OKTOBER 2024 (JUMAAT) | MAJLIS ICAO AIR SERVICE NEGOTIATION (ICAN 2024)

Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah telah menerima kunjungan hormat Tuan Eng. Naif Ali Al-Abri, Presiden Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Oman – CAA Oman.



10 DISEMBER 2024 (SELASA) | OMAN


Delegasi Malaysia diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), YBhg. Dato' Normah Osman telah mengadakan mesyuarat dua hala dengan Presiden Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAA) Oman, YBhg. Eng. Naif Ali Al-Abri.



11 DISEMBER 2024 (RABU) | OMAN

Delegasi Malaysia yang diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), YBhg. Dato' Normah Osman telah mengadakan mesyuarat dua hala dengan YBhg. Hubert Hanjausa Namani, Pengerusi Pihak Berkuasa Keselamatan Penerbangan Awam dan Ketua Delegasi Papua New Guinea (PNG).

PENGLIBATAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DALAM PROGRAM MADANI RAKYAT 2024



05 - 07 JULAI 2024
Dataran Sayangi Kuantan
Kuantan, Pahang Darul Makmur



15 - 17 OGOS 2024
Dataran Universiti Teknologi Malaysia
Skudai, Johor Darul Takzim



PENGLIBATAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DALAM PROGRAM MADANI RAKYAT 2024 (sambungan...)



27 - 29 SEPTEMBER 2024
Dataran Perkarangan Boulevard Mall
Miri, Sarawak Bumi Kenyalang



18 - 20 OKTOBER 2024
Stadium Likas, Kota Kinabalu
Sabah Negeri Di Bawah Bayu



PENGLIBATAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DALAM PROGRAM MADANI RAKYAT 2024 (sambungan...)



22 - 23 NOVEMBER 2024 | Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)




www.mot.gov.my

[f](#) [t](#) [motmalaysia](#) [i](#) [ministryoftransportmy](#)

PENGANGKUTAN DARAT

JALAN RAYA



Pendaftaran
Kenderaan Baharu

2024 : 1,570,218
2023 : 1,533,447

Pendaftaran Kenderaan
Terkumpul

2024 : 37,960,881
2023 : 36,625,821

3 Jenis Kenderaan Pendaftaran
Kenderaan Baharu Utama

01 Motokar



02 Motorsikal



2024 : 655,823
2023 : 642,586

03 Kenderaan Barangan



2024 : 39,822
2023 : 39,496

REL

Jumlah Penumpang
Pengangkutan Rel



23.8%

2024 : 336,699,435
2023 : 272,050,118


Jumlah Kendalian
Kargo ('000 Ton)*



15.2%

2024 : 6,001
2023 : 5,207

Jumlah Kendalian
Kontena (TEUs)*



4.4%

2024 : 540,446
2023 : 517,426

PENGANGKUTAN MARITIM

Jumlah Kendalian Kargo
di Pelabuhan ('000 FWT)



7.0%

2024 : 627,748
2023 : 586,565

Jumlah Kendalian Kontena
di Pelabuhan (TEUs)



8.6%

2024 : 30,682,231
2023 : 28,243,627

PENGANGKUTAN UDARA

Jumlah Penumpang
Pengangkutan Udara



14.4%

2024 : 97,093,244
2023 : 84,882,826

Jumlah Kendalian
Kargo (Metrik Ton)



15.1%

2024 : 1,069,455
2023 : 928,933

Nota : *Dikendalikan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)